

SUCCESS STORY

JENIS	MAKLUMAT
NAMA PI1M	PUSAT INTERNET 1 MALAYSIA TAMAN JAYA KEMAYAN
LOKASI	MUKIM KEMAYAN, BERA.PAHANG.
NAMA	ISMAIL BIN HUSSIN (PERSEORANGAN)
BUTIRAN DIRI	<ul style="list-style-type: none"> • 58 TAHUN • LELAKI • TARAF PENDIDIKAN (SPM) • PELUKIS DAN PENIAGA KECIL
KISAH KEJAYAAN	<p>1. Dengan bakat kurniaan daripada tuhan memberi keistimewaan bagi En. Ismail anak kelahiran Pahang ini dalam memperkembangkan bakat beliau dalam bahagian seni lukisan. Sikap beliau yang sangat kreatif sejak dari bangku sekolah bermula awal 70-an telah menjadikan kerjaya sebagai pelukis untuk menjana pendapatan yang sangat lumayan. Walaupun pada awalnya beliau telah menjawat jawatan polis namun selepas 2 tahun beliau mengambil keputusan untuk berhenti dan bekerja sebagai pereka grafik di Jabatan Perhilitan Haiwan bermula tahun 1980 sehingga 1993. Lantas beliau mula melukis secara kecil- kecilan pada awalnya, sehingga beliau menjadi salah seorang anak melayu yang berjaya membuka galeri seni di Hotel Hyatt Kuantan bermula tahun 1987 sehingga 2010. Setelah 23tahun, beliau mengambil keputusan untuk menutup galeri kerana faktor usia dan untuk merehatkan diri buat seketika namun beliau masih mengambil tempahan lukisan bagi pelanggan tetap sahaja sambil menjalankan perniagaan "coconut shake" di Kampung Lebak, Temerloh. Kebanyakkan tempahan lukisan yang diterima adalah daripada pelancong luar negara dan tempatan. Antara golongan VIP yang menjadi pelanggan tetap beliau ialah Sultan Pahang dan kerabat, Dato Farid, Datin Rosmah, Dato Shakar dan nama- nama besar di negara ini dan menerima tempahan lukisan mural, potret dan lukisan secara besar dan kecil. Selain mengambil tempahan daripada individu, beliau juga mengambil tempahan daripada hotel- hotel terkemuka sebagai bahan dekorasi di dalam hotel sama ada lukisan di letakkan di bilik, lobi, dan lukisan- lukisan mural. Antara hotel yang menjadi pelanggan beliau ialah Cassa Hotel, Johor Bharu , Hyatt Hotel, Kuantan dan Tamu Kami Resolt, Balok Kuantan. Ramai yang beranggapan seni itu merugikan dan sesuatu yang remeh, namun tidak ramai yang sedar akan keuntungan disebaliknya. Antara karya yang pernah dijual mencapai harga ribuan ringgit dan paling tinggi harga yang dijual setakat ini mencecah kepada ratusan ribu ringgit (RM 147 000.00) koleksi Cassa Hotel Johor Bharu untuk satu karya dan terdapat karya beliau berjaya diletakkan di muzium di luar negara iaitu di Kaarsen muzium, Belgium iaitu bertajuk Mother Teressa (1999). Mana mungkin karya anak melayu kita bisa sampai sehingga ke tahap itu namun tiada apa yang mustahil. Pameran seni terakhir yang telah dilakukan ialah di Swiss Grand Hotel, Hyundai Beach Sydney Australia pada tahun 2007. Kata En. Ismail lagi, salah satu cara dan medium untuk membantu mendapat semua maklumat dan menjadikan karya beliau dipandang di mata dunia adalah dengan adanya internet. Dengan hanya satu klik sahaja kita mampu untuk melihat keunikan dunia dan ini dikatakan dunia tanpa sempadan. Dari situ, banyak idea dan pendapat dapat kita perolehi. Urusan jual</p>


	<p>beli di dalam dan luar Negara juga lebih mudah dilakukan dengan adanya rangkaian internet.</p> <p>2. Di usia yang agak senja, belum terlewati bagi beliau mengikuti kemajuan dan pemodenan tentang internet dan dunia komunikasi. Ianya mampu menjadikan kita melebarkan kerjaya dan perniagaan dengan lebih pantas dan berkesan.</p>
KETERANGAN GAMBAR	 <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>Gambar 1: Menunjukkan keratan akhbar NST 1 Feb 1999 mengenai En. Ismail.</p> </div>
	 <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>Gambar 2: Menunjukkan salah satu karya beliau bertajuk Afghan Girls yang cukup mendapat permintaan ramai.</p> </div>
	 <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>Gambar 3: Menunjukkan karya yang menjadi koleksi En.Ismail "untitled" oil paint on canvas</p> </div>
	 <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>Gambar 4: Menunjukkan hasil lukisan potret terkini yang di tempah oleh Sultan Pahang.</p> </div>




Gambar 5: Menunjukkan En. Ismail bersama karya beliau yang telah di letakkan di Kaarsen Muzium Belgium. Yang bertajuk " Mother Teressa" pada tahun 1999.



Gambar 6: Menunjukkan gambar lukisan yang ditempah oleh Chef Wan. Gambar ini kelihatan unik kerana jika dilihat dengan teliti semua individu didalam gambar ini hanya menunjukkan 1 kaki sahaja.



Gambar 7: Menunjukkan gambar bukti resit jual beli bagi pembeli yang berasal daripada USA.



Gambar 8: Menunjukkan gambar bukti resit kepada pelancong daripada UK.



Gambar 9: Menunjukkan bukti jual beli kepada Dato' Farid.



Gambar 10: Menunjukkan gambar santai di gerai Coconut Shake En. Ismail di Lebak, Temerloh.

KETERANGAN GAMBAR BESERTA NAMA	 <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>Gambar 11: Menunjukkan En.Ismail di sebelah kiri menunjukkan keratan akhbar mengenainya kepada petugas pi1m disaksikan oleh Isteri beliau.</p> </div>
	 <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>Gambar 12: Menunjukkan perbincangan yang dilakukan di Muzium Kaarsen , Belgium. Individu 2 dari kiri merupakan pembeli karya daripada En.Ismail dan telah menyerahkan kepada pihak muzium.</p> </div>
	 <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>Gambar 13: Menunjukkan pelancong dari Belgium yang menunjukkan akhbar Belgium yang memperkenalkan cerita mengenai lukisan En. Ismail.</p> </div>
	 <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>Gambar 14: Menunjukkan gambar lukisan dan koleksi daripada album En. Ismail Hussin.</p> </div>
MAKLUM BALAS	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pertama kali mendengar mengenai Pi1m, banyak kemudahan yang disediakan dan beliau menganggap usaha kerajaan dan SKMM di dalam membantu penduduk di luar Bandar di dalam dunia IT ini usaha yang sangat besar dan bagus untuk melahirkan masyarakat celik IT. 2. Antara tarikan yang menjadikan saya tertarik untuk hadir ke pi1m ialah dengan pelbagai kemudahan yang disediakan, harga

	<p>yang terlalu murah serta terdapat pekerja yang boleh membantu untuk mengajar mengenai IT sekiranya tidak memahaminya berbanding dengan pusat internet di luar sana. Keadaan ini menjadikan kita lebih selesa dan tidak malu untuk bertanya disamping keadaan pusat internet yang baru dan bersih.</p> <p>3. Dengan adanya Pi1m ini, iaanya dapat membantu saya di dalam meluaskan bidang perniagaan saya bukan sahaja di dalam Malaysia malah keluar Negara.</p> <p>4. Akhir sekali, beliau memberi cadangan kepada pihak pi1m Taman Jaya yang masih lagi baru untuk mempergiatkan lagi promosi kepada masyarakat setempat kerana pusat ini berada di kawasan pecan yang berbilang bangsa. Mungkin pada awalnya agak sukar untuk menarik minat mereka terutama kaum cina kerana di awal penubuhan apa sahaja ada jatuhan bangun. Selain itu, mungkin dapat membuat aktiviti- aktiviti bulanan dengan masyarakat atau demo penggunaan IT agar masyarakat tidak segan untuk mempelajarinya dan sekaligus dapat menjadikan masyarakat lebih berjaya di masa hadapan.</p>
--	--